

masa itu dan apabila terlewat tidak datang wajibnya – ia hanya dipandang, jika lewat masanya, sebagai sedekah *hasanah* sahaja.

Dengan cara peraturan ini jelas dan terang bahawa yang dimaksudkan didalam pungutan zakat fitrah itu bertujuan diuntukkan bagi membantu dan menyukakan fakir miskin, mereka dapat sama berhari raya – dan inilah yang dijalankan oleh Rasulullah (SAW) sehingga masa wafat baginda.

Tetapi sekarang hasil zakat fitrah itu tidak lagi dilakukan demikian bahkan dibahagikan kepada perkara-perkara lain yang tidak pernah dibuat oleh Rasulullah (SAW) seperti yang dilakukan oleh badan-badan yang memungutnya atau pun pejabat-pejabat agama yang membahagikan hasil zakat fitrah itu bukan dalam masanya – masa-masa yang mustahak melapangkan hidup fakir dan miskin - apa lagi pula wang itu hendak digunakan. Mungkin dicampurkan dengan permodalan, yang kita pandang terkeluar daripada tujuan zakat fitrah itu.

Berlainan dengan zakat harta. Zakat ini masanya dipungut tidak ditentukan waktunya seperti zakat fitrah. Ia mengikut *niṣāb*(masanya) cukup setahun dari mula dikumpulkan dan ulama bersetuju dibahagikan kepada *asṇāf* yang delapan Mengeluarkan wajib dan cara membahagikannya, menurut pandangan ulama, boleh ditadbir kepada perkara-perkara yang membawa faedah-faedah am

ke atas orang-orang yang terkandung didalam golongan delapan itu.

Dengan adanya cara yang berlainan itu, sangat mustahak para pembahas di dalam seminar itu kelak lebih dahulu menentukan, menganalisa, daripada wang dan hasil zakat apa yang akan dipersoalkan – dan cara mana yang mustahak diperhatikan di dalam pembahagian zakat itu supaya jangan menyimpang dari tujuan yang asal.

Mudah-mudahan hal ini akan mendapat perhatian mereka yang bertanggungjawab di dalam soal ini supaya persoalan ini selesai dengan baik – ertinya tidak melanggar asas-asas dan tujuan-tujuan yang dikehendaki oleh agama.

* * *

Berunding ala Lee Kuan Yew

Persoalan perkubuan British di Singapura telah dengan sendirinya menimbulkan perkara-perkara yang merumitkan kedudukan Singapura sebab kerajaan British akan menarik semua askar-askarnya sebelum tahun 1971, atau lebih cepat daripada itu.

Langkah ini akan menimbulkan beberapa perkara ekonomi yang berat bagi Singapura terutamanya masalah ekonominya sebab dengan adanya pangkalan perang British di sana adalah memberi nafas kepada Singapura untuk memberi perkerjaan-pekerjaan kepada orang-orang Singapura di dalam pangkalan perang itu dan memberi peluang pula kepada ekonomi Singapura dengan kerana mereka membeli-membelah dan berbelanja di sana serta

menyewakan rumah-rumah dengan bayaran-bayaran yang memuaskan tuan-tuan punya rumah.

Untuk menegakkan ekonomi Singapura pergantungannya tidaklah kepada hasil bumi kerana di sana hampir-hampir tidak ada estet getahnya, tidak ada lombong-lombong bijihnya – ertinya barang-barang mentah bagi Singapura adalah bergantung kepada jiran-jirannya yang mengelilinginya – ertinya walaupun ia bermegah dengan terdirinya sebuah lepas sebuah industri tetapi industri-industri itu akan jadi tin kosong sekiranya jiran-jirannya tidak menyumbangkan “ihsan” kepada Singapura.

Untuk ini maka sepatutnya pemerintah Lee Kuan Yew dan Lee Kuan Yew sendiri sepatutnya sentiasa menggunakan kebijaksanaan menghadapi jiran-jirannya, berbuat baik dan sentiasa bermanis muka tetapi malangnya repulik yang kecil itu selalu menepuk dada dan berkelakuan sombong terhadap jiran-jirannya dengan kata-kata dan perkataan-perkataan yang “agung” yang menyakitkan hati jiran-jirannya itu,

Dalam masa lawatan George Thompson ke Malaysia dan ke Singapura meninjau masalah kedudukan perkubuan Singapura berbetulan dengan lawatan *President* Marcos dari Filipina. Di dalam lawatan itu *President* Marcos tidak singgah di Singapura tetapi telah singgah di Indonesia dan Thailand. Ini dengan sendirinya, nampaknya tidak menyenangkan Lee Kuan Yew terbukti dengan sendirinya kepada Malaysia bahawa Malaysia lebih